

PRUDENTIAL BSN

TAKAFUL

Premier Legacy Beyond

(Ini adalah produk takaful)

Disediakan Khas untuk:

CONTOH

Contoh PDS ini berdasarkan seorang lelaki sihat berusia 30 tahun (umur hari lahir akan datang) dan tidak merokok dengan Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM500,000. Bagi sebut harga yang bersesuaian dengan keperluan dan kemampuan anda, sila rujuk wakil bank anda untuk nasihat peribadi dan rujuk PDS dan ilustrasi produk sebenar anda.

Disediakan oleh: PruBSN Takaful Berhad

Prudential BSN Takaful Berhad ("PruBSN") adalah pengendali takaful yang berdaftar di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013 dan di kawal selia oleh Bank Negara Malaysia (BNM).

MANFAAT-MANFAAT YANG DIBAYAR DI BAWAH SIJIL YANG LAYAK ADALAH DILINDUNGI OLEH PERBADANAN INSURANS DEPOSIT MALAYSIA ("PIDM") SEHINGGA HAD PERLINDUNGAN. Sila rujuk Brosur Sistem Perlindungan Manfaat Takaful dan Insurans ("TIPS") PIDM atau hubungi Prudential BSN Takaful Berhad atau PIDM (layari (visit www.pidm.gov.my)).

LAMPIRAN KETERANGAN PRODUK

Pelanggan yang dihormati,
 Lampiran Keterangan Produk (PDS) ini memberikan anda maklumat penting tentang Takaful Berkaitan Pelaburan anda.
 Pelanggan lain telah membaca PDS ini dan mendapati ia membantu; anda harus membacanya juga.

1 Apakah Premier Legacy Beyond?

Premier Legacy Beyond ialah pelan Takaful Berkaitan Pelaburan dengan sumbangan berkala selama 40 tahun yang menawarkan gabungan perlindungan dan pelaburan untuk tempoh 40 tahun. Produk ini menyediakan perlindungan jika berlaku kematian sepanjang tempoh perlindungan. Ia juga melindungi Hilang Upaya Kekal dan Menyeluruh (TPD), Kematian Akibat Kemalangan dan Penyakit Berjangkit sepanjang tempoh perlindungan atau sehingga tarikh ulang tahun sivil apabila Orang yang Dilindungi mencapai umur 70 pada hari jadi akan datang, yang mana lebih awal.

Akaun yang berkenaan untuk Premier Legacy Beyond:

- **Akaun Unit Perlindungan (PUA)** - Akaun ini menampung bahagian sumbangan anda yang diperuntukkan untuk membeli unit dalam Dana Takafulink pilihan anda. Penolakan *Tabarru'* untuk pelan asas dan mana-mana rider yang dilampirkan, serta Caj Perkhidmatan *Wakalah*, akan ditolak daripada akaun ini. Kami juga akan membayar lebihan boleh agih ke dalam akaun ini.

Nilai tunai ialah jumlah nilai unit dalam PUA yang akan ditentukan oleh harga unit Dana Takafulink yang mendasarinya, bergantung kepada prestasi pelaburan dana-dana tersebut.

Konsep Syariah yang berkenaan di bawah Premier Legacy Beyond:

- **Ta' awun:** Apabila anda menyumbang ke dalam Dana *Tabarru'* untuk manfaat kewangan bersama apabila berlaku perkara-perkara yang telah dipersetujui terlebih dahulu.
 - **Wakalah bi al-ujrah:** Apabila anda melantik PruBSN untuk mengurus dan melaburkan dana tersebut sebagai wakil, dan PruBSN akan menerima upah, termasuk yuran prestasi daripada lebihan boleh agih dari Dana *Tabarru'*.
 - **Sadaqah:** Apabila anda membuat sumbangan secara sukarela melalui rider Ihsan untuk memberi manfaat kepada orang lain.
- Nota: Keterangan produk di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Lampiran, kod QR atau dokumen sivil untuk maklumat lanjut.*

2 Ketahui Perlindungan / Manfaat anda?

| Sebagai ilustrasi, dengan RM 210.00 Bulanan selama 40 tahun untuk Jumlah Perlindungan Asas sebanyak RM 500,000, anda akan menerima perlindungan/manfaat Takaful berikut: | | |
|--|---|---|
| Kematian | Kejadian Kematian | Amaun Perlu Dibayar |
| | Tahun Sivil 1 hingga 40 (Tempoh Perlindungan Penuh) | Amaun lebih tinggi, RM 500,000 atau jumlah nilai tunai. |
| | Tahun Sivil 41 hingga 70 ¹ | Amaun lebih tinggi, RM 5,000 atau jumlah nilai tunai. |
| TPD | RM 500,000 ² | |
| Kematian akibat Kemalangan ³ | Amaun tambahan akan dibayar di atas manfaat Kematian atas syarat-syarat berikut ⁴ : | |
| | Kejadian Kematian | Amaun Tambahan |
| | Akibat Kemalangan | 100% daripada Manfaat Kematian |
| | Akibat Kemalangan daripada berulang-alik menaiki pengangkutan awam, gerabak lif, pembakaran teater, hotel atau bangunan awam lain | 200% daripada Manfaat Kematian |
| | Akibat Kemalangan yang berlaku semasa Orang yang Dilindungi menetap atau melancong di luar Malaysia (kecuali Singapura dan Brunei) untuk tidak lebih daripada 90 hari berturut-turut, atau di Singapura atau Brunei untuk sebarang bilangan hari. | 300% daripada Manfaat Kematian |
| Penyakit Berjangkit ³ | Syarat-syarat ⁵ | Amaun Perlu Dibayar |
| | Setiap diagnosis penyakit berjangkit dalam Kategori A | RM5,000 |
| | Setiap kemasukan ke hospital akibat penyakit berjangkit dalam Kategori B | RM10,000 |
| Bonus Pencapaian Seumur Hidup ³ | Syarat-syarat ⁶ | Amaun Perlu Dibayar |
| | Apabila mencapai mana-mana yang berikut: Selesai Haji atau Umrah, Perkahwinan pertama, Kelahiran anak pertama, Kelahiran cucu pertama, Pengesahan persaraan | RM3,000 |
| Manfaat Matang | Jumlah nilai tunai sivil. | |

Nota-nota:

1. Sehingga ulang tahun sivil hari jadi Orang yang Dilindungi yang ke-100.
2. Apabila TPD sebelum tarikh ulang tahun sivil hari jadi Orang yang Dilindungi yang ke-70. Bayaran manfaat ini akan mengurangkan Jumlah Perlindungan Asas.
3. Manfaat Kematian Akibat Kemalangan, Manfaat Penyakit Berjangkit, Bonus Pencapaian Seumur Hidup dan semua rider yang disertakan tidak akan dibayar selepas Tempoh Perlindungan Penuh dan jika Jumlah Perlindungan Asas dikurangkan kepada sifar disebabkan oleh pengurangan manfaat seperti Manfaat TPD dan/atau Crisis Shield.
4. Apabila kematian akibat kemalangan sebelum tarikh ulang tahun sivil hari jadi Orang yang Dilindungi yang ke-70. Sekiranya kematian akibat kemalangan berlaku semasa umur Orang yang Dilindungi di bawah 19 tahun, jumlah terkumpul Manfaat Kematian Akibat Kemalangan yang perlu dibayar tertakluk kepada maksimum RM 2 juta seorang.
5. Dibayar sekali untuk setiap penyakit berjangkit semasa Tempoh Perlindungan Penuh dan sebelum ulang tahun sivil apabila Orang yang Dilindungi mencapai hari lahir ke-70.
6. Dibayar sekali bagi setiap sivil dengan syarat sivil berkuat kuasa, tertakluk kepada terma dan syarat seperti yang dinyatakan dalam dokumen sivil.
7. Sila rujuk kepada PDS Crisis Protector, Crisis Shield untuk butiran rider (jika dilampirkan).





Keterangan perlindungan dan manfaat di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk kepada Lampiran atau dokumen sivil untuk maklumat lanjut.

Pelan Takaful Berkaitan Pelaburan anda mengecualikan:

- **Bunuh Diri** : Kami tidak akan membayar sebarang manfaat kematian jika kematian disebabkan oleh bunuh diri dalam tempoh satu tahun dari tarikh berkuatkuasa sivil atau tarikh penguatkuasaan semula sivil, yang mana kemudian. Sebaliknya, jumlah nilai pelaburan sivil akan dibayar.
- **Keadaan Sedia Ada** : Kami tidak akan membayar sebarang manfaat TPD jika hilang upaya disebabkan oleh Keadaan Sedia Ada yang tidak didedahkan dalam tempoh 12 bulan dari tarikh sivil berkuat kuasa.

Nota: Senarai pengecualian di atas adalah tidak menyeluruh. Anda mesti merujuk kepada Lampiran atau dokumen sivil untuk senarai penuh pengecualian.

Jika anda mempunyai sebarang soalan atau memerlukan bantuan mengenai produk takaful berkaitan pelaburan anda, anda boleh:

| | | | |
|---|---|--|--|
|  <p>Hubungi Standard Chartered Bank Malaysia Berhad di aplikasi SC Mobile / Perbankan Dalam Talian</p> |  <p>Hubungi PruBSN di: 03-2775 7188 Emel PruBSN di: customer@prubsn.com.my</p> |  <p>Lawati * kami di: https://www.sc.com/my/insurance/premier-legacy-beyond/</p> |  <p>Imbas kod QR *:</p> |
|---|---|--|--|

*Yakinlah bahawa tiada data peribadi anda yang akan dikumpul apabila anda mengklik pada pautan / kod QR.

3 Ketahui Kewajipan anda?

Untuk takaful berkaitan pelaburan anda, anda mesti membayar sumbangan takaful Bulanan sebanyak:

| | | | |
|-------------------------------|--|--------|------------------|
| Akaun Unit Perlindungan (PUA) | Sumbangan Perlindungan | RM 210 | Tempoh: 40 tahun |
| | Sumbangan Allocator | RM 0 | |
| | Sumbangan Pelaburan (termasuk Takaful Saver) | RM 0 | |

Kami memperuntukan sebahagian daripada sumbangan anda untuk membeli unit dalam dana pelaburan pilihan anda.

Sumbangan yang Diperuntukan RM 97,524.00 atau 96.75 % daripada Jumlah Sumbangan PUA RM 100,800.00

Anda juga perlu membayar yuran dan caj berikut

Jumlah Caj *Wakalah* Pendahuluan, yang termasuk: RM 3,276.00 atau 3.25 % daripada Jumlah Sumbangan RM 100,800.00

| Akhir Tahun Siji | Sumbangan Dibayar (RM) | Komisen yang ditolak daripada sumbangan anda | |
|------------------|------------------------|--|------------|
| | | Peratusan (%) | Amaun (RM) |
| 1 | 2,520.00 | 30.00 | 756.00 |
| 2 | 2,520.00 | 20.00 | 504.00 |
| 3 | 2,520.00 | 15.00 | 378.00 |
| 4 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 5 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 6 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 7 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 8 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 9 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 10 | 2,520.00 | 5.00 | 126.00 |
| 11 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 12 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 13 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 14 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 15 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 16 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 17 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 18 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 19 | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| 20 & ke atas | 2,520.00 | 0.00 | 0.00 |
| Jumlah | 100800 | 2.50% | 2,520.00 |

• Komisen, dan (dibayar selama 10 tahun)

• Perbelanjaan Pengurusan. (dibayar selama 4 tahun)

RM 756 (termasuk Duti Setem sebanyak RM10) atau 0.75 % daripada Jumlah Sumbangan RM 100,800.00

| | | |
|-------------------------|--|---|
| Caj lain yang dikenakan | • Caj Perkhidmatan <i>Wakalah</i> | |
| | Kaedah Pembayaran Sumbangan | Amaun Perlu Dibayar bagi semua Kekerapan Pembayaran |
| | Tunai atau Cek | RM 8 sebulan |
| | Kaedah Pembayaran Lain | RM7 sebulan |
| | • Caj <i>Wakalah</i> Pengurusan Aset • Caj <i>Wakalah</i> Pertukaran Dana (jika ada), | • Caj <i>Wakalah</i> Penambahan Sumbangan Tunggal (jika ada) • Caj <i>Wakalah</i> Pengeluaran Separa (jika ada). |

Nota-nota:

- *Butiran sumbangan*: Cukai perkhidmatan dikenakan kepada semua sumbangan yang dibayar dengan tujuan perniagaan. Sila rujuk *Ilustrasi Produk* untuk Jumlah Bayaran, cukai perkhidmatan (jika ada), dan anggaran tahunan.
- *Jumlah Caj Wakalah Pendahuluan*: Termasuk perbelanjaan pengurusan PruBSN (termasuk duti setem yang dibayar sekali bagi setiap siji) dan komisen yang dibayar kepada perantara bank. Komisen ialah kos yang dibayar terus kepada saluran pengedaran bagi pemasaran produk ini.
- *Senarai yuran dan caj adalah tidak menyeluruh*. Sila rujuk *Ilustrasi Produk*, *Lampiran* atau dokumen siji untuk maklumat lanjut.

4 Terma Utama Lain

- **Kepentingan pendedahan** : anda mesti mendedahkan semua fakta yang berkaitan seperti keadaan perubatan dan menyatakan umur Orang yang Dilindungi dengan betul apabila menjawab sebarang soalan yang kami ajukan. Kewajipan pendedahan anda adalah berterusan sehingga siji takaful dikeluarkan. Jika tidak, anda mungkin berisiko untuk tuntutan ditolak atau siji takaful ditamatkan.
- **Peruntukan Tanpa Luput** : Siji tidak akan luput apabila nilai tunai jatuh kepada sifar dalam 6 tahun siji. Selepas itu, siji akan luput apabila nilai tunai tidak mencukupi untuk membayar penolakan *Tabarru'* dan caj lain.
- **Sumbangan dan Penolakan *Tabarru'* Tidak Terjamin** : sumbangan dan Penolakan *Tabarru'* adalah tidak dijamin dan boleh disemak dengan memberi pemberitahuan bertulis 90 hari kepada peserta. Anda mungkin perlu membayar sumbangan tambahan walaupun selepas tempoh pembayaran sumbangan jika terdapat sebarang peningkatan dalam penolakan dan/atau caj *Tabarru'* anda.
- **Tuntutan ke atas Manfaat Contributor** : Kadar *Tabarru'* mungkin disemak semula selepas tuntutan Contributor dan sepanjang tempoh siji. Jika ini berlaku, anda dikehendaki untuk membayar sumbangan tambahan bagi memastikan nilai tunai anda kekal mencukupi untuk menampung penolakan *Tabarru'* dan caj-caj lain sepanjang tempoh siji.
- **Tempoh menunggu** :kelayakan untuk manfaat di bawah siji hanya akan bermula selepas tempoh menunggu dari tarikh kuat kuasa siji, tarikh penguatkuasaan semula siji atau tarikh pengesahan, yang mana terkemudian.

| Manfaat | Syarat-syarat | Tempoh Menunggu |
|---|---|-----------------|
| Penyakit Kritikal & Manfaat Contributor | Serangan jantung, pembedahan pintasan arteri koronari, penyakit arteri koronari yang serius, angioplasti dan rawatan invasif lain untuk penyakit arteri koronari dan kanser | 60 hari |
| | Semua penyakit lain yang dilindungi | 30 hari |
| Manfaat Kematian Akibat Kemalangan | Semua keadaan yang dilindungi | Tiada |
| Manfaat Penyakit Berjangkit | Semua Penyakit Berjangkit dilindungi | 90 hari |
| Bonus Pencapaian Seumur Hidup | Semua keadaan yang dilindungi | 3 tahun |

Nota: Terma utama di atas adalah tidak menyeluruh. Sila rujuk *Lampiran* atau dokumen siji untuk senarai penuh terma.

? Bolehkah saya membatalkan siji saya?

Ya, anda boleh membatalkan siji anda dengan memberikan notis bertulis kepada PruBSN.

- **Tempoh Rujukan Percuma**: anda boleh membatalkan siji anda (iaitu pelan asas dan rider yang dilampirkan) dalam tempoh 15 hari selepas siji dihantar kepada anda. Kami akan memulangkan kepada anda nilai tunai, sebarang Caj *Wakalah* Perkhidmatan, Penolakan *Tabarru'* dan Caj *Wakalah* Pendahuluan yang telah ditolak tolak sebarang caj perubatan yang ditanggung oleh PruBSN.
- **Notis Bertulis**: Anda boleh menyerahkan siji ini pada bila-bila masa selepas Tempoh Rujukan Percuma dengan memberikan kami notis bertulis. Selepas penyerahan, kami akan membayar nilai tunai (jika ada), selepas menolak sebarang jumlah tertunggak yang tertanggung kepada kami semasa tempoh siji. Sila ambil perhatian bahawa nilai tunai yang perlu dibayar mungkin jauh lebih rendah daripada jumlah sumbangan yang telah anda bayar.